

07/05/1998

Asnita kutip pelaburan RM1 juta pada hari pertama

AMANAH Saham Wanita (Asnita) yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, berjaya mengutip pelaburan berjumlah RM1 juta, pada hari pertama.

Penolong Pengurus Pemasaran Hijrah Unit Trust Management, Balkis Maenoh, bagaimanapun tidak dapat memberitahu jumlah yang dilabur melalui kaunter Bank Simpanan Nasional.

Hijrah adalah syarikat yang menguruskan pelaburan Asnita.

"Sistem komputer kita belum on-line, jadi tidaklah boleh beritahu berapa jumlahnya lagi," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sebanyak 400 juta unit saham disediakan dengan harga tawaran 50 sen seunit. Asnita adalah amanah saham ke-88 di negara ini dan menampilkan beberapa faedah tambahan kepada pelabur.

Ini termasuk pelaburan permulaan dengan pemilikan 200 unit (RM100); khairat kematian sehingga RM1,000; serta insurans takaful minimum RM200,000 serta biasiswa pendidikan untuk anak pelabur yang layak.

Balkis berkata sambutan yang diberikan oleh wanita dan masyarakat juga amat menggalakkan setakat ini.

(END)